



TEKS UCAPAN

**YB DATO' SRI HAJAH NANCY BINTI SHUKRI
MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT**

PROGRAM

**MAJLIS PERASMIAN PENUTUPAN SEMINAR JAWATANKUASA
PEMBANGUNAN POLIS WANITA (JPPPW) 2023**

LOKASI / TARIKH / MASA

**DEWAN SULTAN HAJI AHMAD SHAH, MAKTAB PDRM KUALA LUMPUR
14 DISEMBER 2023 (KHAMIS) 11.00 PAGI**

Kemaskini 13 Disember 2023

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh
Selamat Sejahtera dan Salam Malaysia Madani

(SALUTASI)

LAMPIRAN SALUTASI DISEDIAKAN

1. Alhamdulillah, syukur ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah kurniaNya dapat kita bersama-sama untuk **Majlis Perasmian Penutupan Seminar Jawatankuasa Pembangunan Pengurusan Polis Wanita (JPPPW)**.
2. Pertama sekali, saya ingin mengucapkan tahniah kepada JPPPW dan PDRM atas usaha gigih dalam mengadakan seminar ini, yang merupakan platform untuk percambahan idea-idea baru melalui sesi *brainstoring* untuk merangka pelan tindakan pembangunan polis

wanita secara lebih terancang dan menyeluruh. Seminar ini bukan sekadar pertemuan, tetapi adalah wadah bagi kita berkongsi pandangan dan merumuskan langkah progresif untuk masa depan.

3. Saya juga ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada JPPPW dan PDRM atas kerjasama yang mantap dengan KPWKM. Kami di KPWKM amat berterima kasih atas kepercayaan dan sokongan yang diberikan, terutamanya dalam pelaksanaan program-program kebajikan dan kesedaran jenayah yang berfokus kepada

perlindungan wanita dan kanak-kanak.

4. JPPPW juga telah berkolaborasi dengan agensi di bawah KPWKM iaitu LPPKN melalui program Kempen Kesedaran Kanser Reproduktif Wanita (WCaRe) yang telah menerapkan kesedaran saringan awal kanser dalam kalangan pegawai polis wanita serta mempromosikan perkhidmatan Mamogram dan HPV DNA secara percuma kepada mereka.

5. Selain itu, Program Skwad WAJA, iaitu sebuah program sukarelawan di peringkat komuniti yang bertujuan untuk memperkasakan komuniti melalui program bimbingan psikososial, boleh diintegrasikan bersama OPS Cantas Khas Wanita bagi melaksanakan program-program yang melibatkan komuniti masyarakat khususnya wanita bagi meningkatkan kesedaran mengenai isu jenayah. Melalui inisiatif seperti Program Skwad WAJA dan Ops Cantas Khas Wanita, kami berhasrat untuk memperkuatkan lagi

peranan komuniti dalam mengatasi isu jenayah dan membina kestabilan sosial.

6. Saya juga ingin menekankan pentingnya pengiktirafan wanita sebagai pembuat keputusan. Berdasarkan statistik Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), peratus penjawat awam wanita di peringkat pembuat keputusan melalui pengisian Gred Utama C dan ke atas, meningkat kepada 38.8 peratus pada Disember 2022.
7. Dengan adanya dasar yang memastikan sekurang-

kurangnya 30 peratus wanita dalam peranan pembuat keputusan, kita telah melihat peningkatan signifikan dalam penyertaan wanita di peringkat pengurusan tertinggi. Ini adalah langkah maju dalam usaha kita untuk mewujudkan kesaksamaan gender.

8. Sehubungan itu, pucuk pimpinan tertinggi PDRM, disarankan untuk mendukung pelaksanaan dasar ini bagi membolehkan pegawai polis wanita seiring dengan pegawai polis lelaki di peringkat pembuat keputusan dengan meletakkan lebih ramai lagi pegawai wanita di

Command Post seperti Pengarah Jabatan, Ketua Polis Negeri, Ketua Polis Daerah dan Ketua Polis Balai.

9. Saya percaya bahawa dengan kerjasama erat antara JPPPW dan KPWKM, kita dapat mencapai lebih banyak lagi dalam masa akan datang. Marilah kita berganding bahu menyediakan proposal dan peruntukan kewangan yang diperlukan untuk menjalankan program-program yang akan membawa manfaat kepada masyarakat kita, terutama kepada wanita dan kanak-kanak.

10. Akhir kata, terima kasih atas komitmen dan dedikasi anda semua. Mari kita teruskan usaha kita untuk mencapai visi bersama demi pembangunan wanita, keluarga, dan masyarakat yang lebih sejahtera.

Saya mengakhiri ucapan saya dengan serangkap pantun:

Pandu kereta dengan cermat
Membawa berita tanpa kata
Polis Wanita bersedia berkhidmat
Bersama rakyat berpisah tiada

*Sekian, Wabillahi taufiq walhidayah
Wassalamualaikum warahmatullahi Wabarakatuh.*

**Dato' Sri Hajah Nancy binti Shukri
Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat
13 Disember 2023**